

# USAHA MASYARAKAT CINA DALAM MENGEKALKAN PENDIDIKAN CINA DI TANAH MELAYU: 1948-1956

Ho Hui Ling\*

## Abstrak

Dalam kalangan masyarakat Cina, pendidikan merupakan antara aspek asas yang ditekankan dalam kehidupan mereka. Ini kerana pendidikan bukan sahaja dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dan pemikiran mereka, malahan pendidikan merupakan instrumen utama yang dapat memelihara bahasa, budaya dan tradisi kaum. Sehubungan itu, orang Cina melihat sekolah Cina adalah warisan budaya kaum yang perlu dipertahankan. Justeru, sekolah Cina telah dibina di negeri-negeri Melayu oleh masyarakat Cina sejak abad ke-19. Kewujudan sekolah Cina di Tanah Melayu berterusan pada era pasca Perang Dunia Kedua. Artikel ini bertujuan untuk meneliti bagaimana keadaan sekolah Cina di Tanah Melayu pada era pasca Perang Dunia Kedua dan cabaran yang dihadapi oleh sekolah Cina terutamanya pada zaman Darurat (1948-1960). Seperkara lagi yang turut diteliti dalam artikel ini ialah usaha masyarakat Cina dalam memelihara penerusan pendidikan dan sekolah Cina di negeri-negeri Melayu pasca Perang Dunia Kedua. Perkara ini dapat dilihat melalui sokongan mereka kepada cadangan dalam Laporan Fenn-Wu yang mengajukan penerusan sekolah Cina dengan kurikulum dan buku teks yang sesuai dengan keadaan di Tanah Melayu. Perjuangan mereka turut dapat dilihat dengan jelas melalui respons mereka terhadap Penyata Pendidikan 1952 dan Penyata Razak 1956 yang dikeluarkan menjelang kemerdekaan Tanah Melayu. Kajian ini disempurnakan dengan menggunakan sumber primer dan sumber sekunder melalui kaedah kepustakaan serta arkib. Daripada kajian adalah jelas bahawa rata-rata orang Cina berusaha memperjuangkan pengekalan dan penerusan pendidikan serta sekolah Cina di negeri-negeri Melayu pada era pasca Perang meskipun sekolah Cina pada ketika itu berdepan dengan bahaya ancaman daripada komunis.

**Kata kunci:** sekolah Cina, orang Cina, Tanah Melayu, Laporan Fenn-Wu, Penyata Pendidikan 1952, Penyata Razak

---

\* Dr. Ho Hui Ling adalah Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya.

## Pengenalan

Orang Cina yang masuk ke negeri-negeri Melayu sejak abad ke-19 untuk berniaga, bekerja di sektor perlombongan dan pertanian telah membawa bersama adat dan budaya hidup mereka. Antaranya, di mana sahaja ada masyarakat Cina di negeri-negeri Melayu, sekolah Cina akan dibina dan dibiayai oleh orang Cina sendiri bagi mendidik anak-anak bangsa dalam bahasa ibunda mereka. Mereka mempunyai tradisi menghormati dan mementingkan pendidikan bagi anak-anak bangsa mereka. Dengan itu, warisan budaya dan bahasa mereka dapat diteruskan melalui pendidikan Cina yang diwujudkan. Pada peringkat awal, kurikulum yang digunakan di sekolah Cina mempunyai persamaan dengan sekolah yang terdapat di tanah besar China. Buku teks juga adalah dicetak dan diimport dari tanah besar China. Begitu juga, majoriti gurunya terdiri daripada mereka yang berasal dari China atau yang mendapat pendidikan di China. Dengan itu, sekolah Cina, guru dan pelajarnya mudah terpengaruh kepada perkembangan politik yang berlaku di China. Bagaimanapun, apabila pentadbiran British sedar tentang terdapat sekolah Cina yang digunakan untuk propaganda politik, Enakmen Pendaftaran Sekolah diluluskan di Negeri-negeri Melayu Bersekutu (NNMB) pada tahun 1920. Tujuan Enakmen ini ialah agar semua sekolah Cina didaftarkan dengan pihak pentadbiran dan guru berkelayakan sahaja yang diambil.

Seterusnya pada tahun 1923, kerajaan mengambil keputusan memberi bantuan kewangan kepada sekolah Cina yang menerima penyeliaan dan nasihat kerajaan. Melalui itu, pentadbiran British mula meletakkan pengawasan terhadap sekolah Cina di negeri-negeri Melayu. Selepas zaman pendudukan Jepun, Tanah Melayu berdepan dengan masalah keselamatan yang ditimbulkan oleh komunis di bawah Parti Komunis Malaya (PKM). Sekolah khasnya sekolah Cina menjadi saluran penting untuk penyebaran fahaman dan kegiatan komunis dalam kalangan pelajar. Malahan sekolah Cina termasuk pengetua, guru dan pelajar turut menghadapi bahaya ancaman komunis apabila pihak PKM tidak memperoleh sokongan serta kerjasama daripada mereka atau sebaliknya sekolah Cina dilihat menjadi penghalang kepada kegiatan mereka. Bagaimanapun, dalam tempoh Darurat (1948-1960) di Tanah Melayu, sekolah Cina di negeri-negeri Melayu masih terus berkembang tetapi dengan kadar yang perlahan. Pada masa yang sama, pendidikan merupakan satu elemen penting yang diberi perhatian oleh pihak pentadbiran dalam merancang kampung baru dan sekolah dibina di kampung baru. Pembinaan sekolah di kampung baru diberi penekanan kerana penduduknya sering dipengaruhi atau dipergunakan oleh komunis.

Kebanyakan penduduk yang dipindah dan ditempatkan semula di kampung baru adalah setingan dan penduduk yang tinggal berdekatan dengan pinggir hutan atau kawasan luar bandar. Oleh itu, usaha memberi pendidikan kepada kanak-kanak di kampung baru dipergiatkan oleh pihak berkuasa supaya anak-anak muda di kampung baru sedar tentang bahaya dan taktik penganasan komunis. Dengan itu, masyarakat di kampung baru dapat menjauhkan diri daripada kegiatan komunis dan tidak membantu komunis. Selain itu, pada tahun-tahun 1950-an turut memperlihatkan perjuangan orang Cina dalam memastikan pendidikan, sekolah dan bahasa Cina dapat diteruskan kepada anak-anak mereka pada ketika pentadbiran British memulakan rancangan untuk menyusun semula dasar pendidikan di Tanah Melayu. Justeru itu, artikel ini akan meneliti bagaimana keadaan sekolah Cina di Tanah Melayu pada era pasca Perang Dunia Kedua dan cabaran yang dihadapi oleh sekolah Cina terutamanya pada zaman Darurat. Seperkara lagi yang turut diteliti dalam artikel ini ialah

perjuangan masyarakat Cina dalam memelihara penerusan pendidikan dan sekolah Cina di negeri-negeri Melayu pasca Perang Dunia Kedua.

### Perkembangan Sekolah Cina

Selepas pentadbiran tentera Jepun ditewaskan, Tanah Melayu berdepan pula dengan satu lagi ancaman keselamatan iaitu gerakan komunis. Komunis dan PKM mempunyai cita-cita untuk menguasai Tanah Melayu dengan menjatuhkan pentadbiran British yang berkuasa di Tanah Melayu pada ketika itu. Masalah komunis yang mengancam ketenteraman awam dan keselamatan negara itu telah mengakibatkan pihak pentadbiran British mengisytiharkan kuatkuasa undang-Undang Peraturan Darurat di Tanah Melayu pada 18 Jun 1948 sehingga 31 Julai 1960. Zaman Darurat memperlihatkan kesusahan hidup yang dihadapi oleh penduduk termasuklah orang Cina. Komunis melakukan kegiatan keganasan, kerosakan dan gangguan terhadap kehidupan masyarakat. Kemudahan pendidikan iaitu sekolah Cina khususnya dan kehadiran pelajar ke sekolah juga terjejas. Keadaan Darurat menyebabkan turun naik bilangan pelajar di sekolah Cina kerana orang Cina ialah golongan yang sering menjadi sasaran komunis. Di sesetengah tempat yang kekurangan penduduk Cina kerana telah dipindahkan menyebabkan tidak ramai pelajar yang hadir ke sekolah. Di Selangor contohnya, sejak Darurat diisytiharkan sehingga Julai 1951, dilaporkan sejumlah 25 buah sekolah Cina telah ditutup kerana kekurangan pelajar yang berpunca daripada pemindahan penduduk di bawah rancangan penempatan semula.<sup>1</sup>

Bantuan tidak lagi didapati daripada penyumbang Cina dan menyebabkan pentadbiran sekolah tidak dapat diteruskan. Yang lebih penting dalam perkembangan sekolah Cina pada zaman Darurat ialah akibat kekacauan yang dilakukan oleh komunis. Di Johor, misalnya, sehingga November 1948, sebanyak 18 buah sekolah Cina telah ditutup disebabkan kekacauan yang ditimbulkan oleh komunis. Sekolah yang akhir sekali ditutup ialah di Parit Tani, Batu Pahat, Johor setelah digempur oleh komunis.<sup>2</sup> Bilangan sekolah Cina yang ditutup di Johor meningkat kepada 45 buah pada Disember 1948 dan penutupan sekolah ini adalah akibat daripada keadaan kekacauan yang ditimbulkan oleh komunis pada zaman Darurat.<sup>3</sup> Dalam pada itu, pada Mei 1948, terdapat sejumlah 358 buah sekolah Cina dengan pelajar seramai 39,582 orang di Johor. Namun demikian, banyak sekolah di kawasan luar bandar ditutup pada zaman Darurat. Oleh itu, pada Julai 1951, bilangan sekolah Cina di Johor telah berkurangan kepada 231 buah dengan 36,220 orang pelajar.<sup>4</sup> Begitu juga dilaporkan sekurang-kurangnya 20 buah sekolah Cina di Perak telah ditutup sejak zaman Darurat bermula sehingga Disember 1948 kerana sekolah-sekolah itu disyaki berada di bawah pengaruh komunis.<sup>5</sup> Dengan itu, adalah jelas bahawa keadaan Darurat dan kegiatan komunis telah mengakibatkan pengurangan bilangan sekolah Cina dan kehadiran pelajar ke sekolah.

1 *Kin Kwok Daily News*, 26 September 1951, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 26 September 1951, hlm. 6.

2 *Majlis*, 5 November 1948, hlm. 2; *The Straits Times*, 4 November 1948, hlm. 5.

3 *The Malaya Tribune (Singapore)*, 8 December 1948, hlm. 8.

4 History of Chinese Education in Johore, Kementerian Pelajaran Malaysia, D. of E. (F. of M.) No. 69/1951, History of Chinese Vernacular Education in Malaya.

5 *The Straits Times*, 8 December 1948, hlm. 7; *Kin Kwok Daily News*, 9 December 1948, hlm. 4.

Kekurangan bilangan sekolah Cina telah disokong oleh laporan dalam akhbar *Nanyang Siang Pau*, bertarikh 11 September 1948, bahawa sejak zaman Darurat bermula, kira-kira 100 buah sekolah Cina di Tanah Melayu telah ditutup yang melibatkan kira-kira 10,000 orang pelajar. Akhbar itu turut melaporkan antara faktor yang menyebabkan berlaku keadaan ini ialah ibu bapa tidak membenarkan anak mereka pergi ke sekolah yang jauh dari kampung atau kawasan penempatan mereka ketika negara dalam keadaan kacau-bilau.<sup>6</sup> Namun keadaan ini bukan bermakna semua sekolah Cina adalah dipengaruhi oleh komunis. Ini telah disokong oleh Penolong Pengarah Pendidikan Cina di Persekutuan Tanah Melayu pada ketika itu iaitu F.T. Laidlaw. Beliau tidak setuju dengan sesetengah pihak yang menganggap sekolah Cina penuh dengan unsur komunisme dan buku-buku teks di sekolah Cina adalah teruk.<sup>7</sup> Meskipun tidak dapat dinafikan sekolah Cina merupakan saluran penting untuk komunis menyebarkan pengaruh serta kegiatan mereka dan dari itu juga komunis berusaha untuk memperoleh sokongan daripada pelajar serta guru, namun tidak semua sekolah Cina menyokong gerakan komunis. Sebaliknya terdapat pengetua, guru dan pelajar yang tidak mahu memberi kerjasama kepada komunis dimana mereka ini akhirnya menjadi mangsa keganasan komunis.

Pengetua, guru dan pelajar sering menjadi sasaran keganasan komunis kerana mereka tidak bekerjasama dengan komunis. Kegiatan komunis yang sebegitu telah mengganggu perjalanan sekolah Cina dan penyampaian pendidikan di sekolah yang terlibat. Antaranya, pada 30 Julai 1948, tiga orang komunis menyerbu Sekolah Lam Huah di Kahang, Jalan Mersing, Johor dan menembak mati pengetua sekolah.<sup>8</sup> Pada 9 Ogos 1948, seorang guru diikat tangan dan kaki, kemudian diheret keluar dari rumahnya di Bukit Siput, dua batu dari Segamat, Johor oleh tiga orang komunis. Mangsa seterusnya mati ditembak.<sup>9</sup> Pada 26 September 1948 pula, seorang pengetua sekolah Cina dibunuh oleh komunis di rumahnya di Tanjung Tualang, Batu Gajah, Perak.<sup>10</sup> Sementara itu, pada 13 November 1948, seorang pengetua sekolah dibunuh oleh empat orang komunis berdekatan Kluang, Johor. Mangsa bernama Chong Teng Weng.<sup>11</sup> Selain itu, pada 24 April 1950, seorang guru sekolah Cina di Kampung Ayer Kuning, Perak, diheret keluar dari bilik darjah oleh empat orang komunis dan kemudian ditembak mati.<sup>12</sup> Dalam kejadian lain, pada 2 November 1950, pengetua sebuah sekolah Cina di Chemor, Ipoh, Perak, ditembak mati oleh komunis.<sup>13</sup> Dalam perkembangan lain, polis menjumpai mayat pengetua Sekolah Chung Hwa, Kuala Lumpur, yang diculik oleh komunis pada 10 April 1951. Leher mangsa dikerat dan tangannya diikat ke belakang.<sup>14</sup> Selain pengetua dan guru, pelajar sekolah Cina turut menjadi mangsa keganasan komunis. Antaranya, seorang pelajar berumur 18 tahun, Phang Chin Tin, ditembak mati oleh tiga orang komunis pada 4

---

6 *Nanyang Siang Pau*, 11 September 1948, hlm. 7.

7 *The Straits Times*, 15 December 1950, hlm. 5.

8 *The Malay Mail*, 31 July 1948, hlm. 5.

9 *The China Press*, 10 August 1948, hlm. 6; *The Malay Mail*, 9 August 1948, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Singapore)*, 9 August 1948, hlm. 1.

10 *The Malay Mail*, 27 September 1948, hlm. 5; *The Malaya Tribune (Kuala Lumpur)*, 27 September 1948, hlm. 1.

11 Cipher Telegram, 20 November 1948, CO717/169, Law and Order, Military Situation, FARELF Sitreps.

12 Federation of Malaya Police Operational Intelligence Summary No. 94 For Week Ending 27 April 1950, CO717/198, Law and Order, Military Situation Weekly Intelligence Summary. Lihat juga Chronology of Important Events During The Emergency in Malaya For The Period January to June 1950, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2114/1949, Chronology of Important Events During The Emergency.

13 *The Malay Mail*, 3 November 1950, hlm. 5.

14 *Majlis*, 12 April 1951, hlm. 3. Lihat juga *Kin Kwok Daily News*, 12 April 1951, hlm. 4; *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 12 April 1951, hlm. 5.

Julai 1951 di Seberang Perai. Dalam kejadian tersebut, pelajar itu dibunuh ketika komunis menyerbu Sekolah Cina Mong Eng di Berapit, Bukit Mertajam, Seberang Perai. Komunis turut merampas 28 keping kad pengenalan daripada guru dan pelajar sekolah berkenaan.<sup>15</sup> Pada 5 Februari 1953 pula, Cheah Cheng Teik, seorang pelajar berumur 19 tahun dari Sekolah Tinggi Chung Ling, Pulau Pinang, ditembak oleh komunis ketika mangsa dalam perjalanan ke sekolah. Mangsa meninggal dunia di hospital tiga jam kemudian.<sup>16</sup> Dengan itu, jelas bahawa sekolah Cina termasuk pengetua, guru dan pelajar juga tidak dapat lari daripada penganasan komunis pada zaman Darurat. Tindakan komunis itu bukan sahaja mendatangkan gangguan kepada pihak sekolah dan pelajar, malahan menimbulkan kebimbangan dalam kalangan ibu bapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Jadual 1: Bilangan Pelajar dan Sekolah Cina di Tanah Melayu, 1941-1960

Tahun	Pelajar (orang)	Sekolah (buah)
1941	83,200	-
1946	172,101	1,105
1947	193,340	1,338
1948	189,230	1,364
1949	202,769	1,338
1950	216,455	1,319
1951	206,343	1,171
1952	239,356	1,203
1953	250,881	1,214
1954	252,312	1,236
1955	227,454	1,276
1956	320,168	1,325
1957	391,667	1,347
1958	402,438	-
1959	415,284	1,417
1960	421,700	-

Sumber: Ho Hui Ling, *Darurat 1948-1960: Keadaan Sosial di Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2014, hlm. 174.

Jadual 1 menunjukkan bilangan pelajar dan sekolah Cina di Tanah Melayu antara tahun 1941-1960. Bilangan pelajar di sekolah Cina pada tahun 1941, berjumlah lebih kurang 83,200 orang. Angka ini meningkat kepada 172,101 pada tahun 1946 dan 193,340 pada tahun 1947. Jumlah ini seterusnya menurun sehingga 189,230 orang pada tahun 1948. Sebab utama kejatuhan pendaftaran pelajar ini adalah kerana banyak sekolah ditutup akibat Darurat dan gangguan komunis, termasuklah 87 sekolah malam.<sup>17</sup> Dalam pada itu, jumlah pelajar yang

15 *The Straits Times*, 5 July 1951, hlm. 1; *Nanyang Siang Pau*, 7 November 1951, hlm. 7; *Straits Echo & Times of Malaya*, 11 July 1950, hlm. 3.

16 *The Straits Times*, 6 February 1953, hlm. 1; *Kin Kwok Daily News*, 6 February 1953, hlm. 4; *The Malay Mail*, 6 February 1953, hlm. 7; *Straits Echo & Times of Malaya*, 6 February 1953, hlm. 1.

17 *Federation of Malaya Annual Report 1948*, Kuala Lumpur: Government Press, 1949, hlm. 74.

berdaftar di sekolah Cina pada tahun 1949 adalah seramai 202,769 orang dan seterusnya meningkat kepada 216,455 orang pada tahun 1950. Terdapat pengurangan pelajar sebanyak 10,112 orang pada tahun 1951 berbanding dengan tahun sebelumnya. Ini menjadikan jumlah pelajar di sekolah Cina pada tahun 1951 adalah berjumlah 206,343 orang. Keadaan ini adalah kesan daripada pelaksanaan rancangan penempatan semula. Apabila sesebuah keluarga telah berpindah ke tempat baharu, mereka tidak lagi menghantar anak-anak ke sekolah di kawasan tempat tinggal asal mereka. Namun begitu, terdapat peningkatan pelajar di sekolah Cina pada Disember 1952 dimana jumlah pelajar adalah 239,356 orang. Jumlah pelajar di sekolah Cina seterusnya meningkat kepada 250,881 orang pada tahun 1953 dan 252,312 orang pada tahun 1954,<sup>18</sup> sebelum menurun kepada 227,454 orang pada tahun 1955. Selepas itu, bilangan pelajar di sekolah Cina terus meningkat dengan kadar yang lebih besar, iaitu mencapai jumlah 320,168 orang pada tahun 1956,<sup>19</sup> 391,667 orang pada tahun 1957, 402,438 orang pada tahun 1958, 415,284 orang pada tahun 1959 dan 421,700 orang pada tahun 1960. Ini disebabkan keadaan keselamatan dan politik di Tanah Melayu semakin baik serta stabil selepas tahun 1955 berikutan dengan kesan daripada langkah membanteras komunis yang dijalankan oleh pihak pentadbiran British. Pada ketika itu juga suasana politik di Tanah Melayu mula berubah selepas Parti Perikatan memenangi Pilihanraya Persekutuan pada tahun 1955. Kestabilan politik melahirkan keyakinan penduduk terhadap pihak pentadbiran dalam memulihkan keamanan negara. Di pihak yang lain, gerakan komunis pula semakin lemah, maka kebimbangan orang Cina terhadap ancaman komunis juga semakin berkurangan.

Berdasarkan Jadual 1 juga didapati bahawa bilangan sekolah Cina antara 1948-1960 turun naik kerana keadaan Darurat. Sekolah Cina ditutup sama ada kerana disyaki dipengaruhi ideologi komunis atau kekurangan pelajar. Selepas Perang Dunia Kedua, iaitu pada tahun 1946, terdapat sejumlah 1,105 buah sekolah Cina di Tanah Melayu. Pada tahun 1947, angka ini meningkat kepada 1,338 buah, seterusnya 1,364 buah pada tahun 1948. Jumlah itu kemudian menurun kepada 1,338 buah pada tahun 1949, 1,319 buah pada tahun 1950 dan seterusnya 1,171 buah pada tahun 1951.<sup>20</sup> Penurunan bilangan sekolah itu adalah disebabkan sesetengah sekolah di kawasan terpencil ditutup kerana keadaan yang kurang tenteram akibat Darurat. Selepas itu, bilangan sekolah Cina meningkat kepada 1,203 buah pada tahun 1952, 1,214 buah pada tahun 1953, 1,236 buah pada tahun 1954 dan 1,276 buah pada tahun 1955. Ini termasuk tiga buah sekolah kerajaan, 930 sekolah bantuan kerajaan, dan 343 sekolah tanpa bantuan kerajaan pada tahun 1955.<sup>21</sup> Keadaan ini wujud berikutan keberkesanan usaha kerajaan dalam melemahkan kegiatan komunis. Seterusnya kebimbangan penduduk terhadap keselamatan mereka juga mula berkurangan. Angka tersebut seterusnya bertambah menjadi 1,325 buah pada tahun 1956, 1,347 buah pada tahun 1957 dan 1,417 buah pada Februari 1959. Daripada Jadual 1 keseluruhannya adalah jelas bahawa jumlah pelajar yang berdaftar dan bilangan

---

18 Heng Pek Koon, *Chinese Politics in Malaysia: A History of Malaysian Chinese Association*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 193; *Federation of Malaya Annual Report 1954*, Kuala Lumpur: Government Press, 1955, hlm. 208.

19 Antaranya, 274,524 orang pelajar di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan, 45,644 orang di sekolah Cina tanpa bantuan kerajaan. A Brief Report on The Development of Education in The Federation of Malaya For The Year 1956, CO1030/51, Educational Development, Federation of Malaya.

20 Antaranya, dua buah adalah sekolah kerajaan, 958 buah sekolah dikawal oleh jawatankuasa sekolah, 42 sekolah mubaligh, 52 sekolah persendirian dan 117 sekolah malam. *Federation of Malaya Annual Report 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 139. Lihat juga Memorandum For Submission to The Conference of Rulers, Chinese Education in The Federation, CO717/190/52336/1, Education, Chinese Schools.

21 *Federation of Malaya Annual Report 1955*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 223.

sekolah Cina sangat dipengaruhi oleh keadaan semasa yang dihadapi oleh Tanah Melayu pada era pasca Perang Dunia Kedua.

### **Pembinaan Sekolah di Kampung Baru**

Pembinaan sekolah di kampung baru adalah ciri penting dalam aspek pendidikan di Tanah Melayu pada tahun-tahun 1950-an berikutan dengan pelaksanaan rancangan menempatkan semula setinggian di kampung baru. Menurut Laporan Pendidikan Tahun 1951, kerjasama erat antara Jabatan Pendidikan, Pejabat Daerah dan Malayan Chinese Association (MCA) telah menyumbang kepada penubuhan dan perkembangan sekolah di kampung baru dengan pesat.<sup>22</sup> Tujuan penubuhan sekolah di kampung baru adalah untuk membolehkan kanak-kanak yang tinggal di kampung baru itu mendapat pendidikan yang lebih sempurna, di samping melindungi mereka daripada dipengaruhi oleh ideologi komunis. Selain itu, pendidikan dapat menimbulkan kesedaran kepada penduduk kampung baru bahawa mereka adalah sebahagian daripada masyarakat dengan masalah, kepentingan dan cita-cita yang sama dengan penduduk di pekan serta bandar.<sup>23</sup> Dilaporkan terdapat kira-kira 29,000 daripada 50,000 orang kanak-kanak di kampung baru hadir di hampir 200 buah sekolah di kampung baru pada tahun 1951.<sup>24</sup> Angka ini menunjukkan terdapat inisiatif yang tinggi dalam kalangan masyarakat di kampung baru menghantar anak-anak mereka ke sekolah bagi memperoleh pendidikan.

Selain itu, demi mengurangkan jurang perbezaan antara golongan buta huruf dengan celik huruf di kampung baru, usaha diambil oleh pihak berkuasa untuk membina lebih banyak sekolah di kawasan kampung baru, mengupah lebih ramai guru, mengatasi kejahilan ibu bapa tentang kepentingan pendidikan untuk anak-anak mereka, dan mengurangkan atau mengecualikan yuran persekolahan bagi kanak-kanak yang datang dari keluarga yang miskin.<sup>25</sup> Jadual 2 menunjukkan perkembangan sekolah di kampung baru pada September 1951. Terdapat sejumlah 194 buah sekolah di Tanah Melayu dengan jumlah pelajar 28,891 orang dan 806 orang guru. Antaranya, Kedah, Perlis dan Terengganu masing-masing mempunyai sebuah sekolah kampung baru; Perak mempunyai 66 buah sekolah kampung baru, Selangor 33 buah, Negeri Sembilan 18 buah, Melaka 8 buah, Johor 53 buah dan Pahang 13 buah sekolah kampung baru.<sup>26</sup> Di samping itu, pada September 1951, terdapat lapan buah sekolah lagi yang telah siap dibina tetapi belum dibuka kepada kanak-kanak di kampung baru dan enam buah sekolah dalam proses pembinaan. Umumnya didapati sekolah di kampung baru terus bertambah dari tahun ke tahun. Di negeri Perak, contohnya, pada tahun 1950, terdapat sejumlah 129 kampung baru di Perak dengan 41 buah sekolah kampung baru. Angka ini meningkat kepada 66 buah sekolah pada September 1951 dan masih mengekalkan jumlah lebih 60 buah sekolah kampung baru di Perak dengan lebih kurang 140,000 orang pelajar pada Mac 1952.<sup>27</sup> Seterusnya jumlah sekolah di kampung baru di Perak terus meningkat sehingga lebih

22 *Sin Chew Jit Poh*, 25 August 1952, hlm. 1.

23 *The Malay Mail*, 12 June 1952, hlm. 5.

24 *Sin Chew Jit Poh*, 18 August 1952, hlm. 7.

25 *Federation of Malaya Annual Report 1951*, hlm. 140-141.

26 *Kwong Wah Yit Poh & Penang Sin Poe*, 25 February 1952, hlm. 5.

27 Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya, 1945-1961*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 32-33. Lihat juga Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, Singapore: Oxford University Press, 1988, hlm. 124.

USAHA MASYARAKAT CINA DALAM MENGEKALKAN PENDIDIKAN CINA  
DI TANAH MELAYU: 1948-1956

100 buah menjelang tahun 1953.<sup>28</sup> Keadaan ini menunjukkan sekolah berkembang dengan pesat selaras dengan peningkatan jumlah kampung baru yang dibina di bawah rancangan penempatan semula.

Jadual 2: Sekolah di Kampung Baru Pada September 1951

Perkara	Jumlah
Jumlah sekolah yang telah dibuka	194
Jumlah sekolah yang telah siap tetapi belum dibuka	8
Jumlah sekolah dalam proses pembinaan	6
Jumlah pelajar	28,891
Purata pendaftaran pelajar bagi setiap sekolah	149
Jumlah guru	806
Kadar guru kepada pelajar	36:1

Sumber: *Federation of Malaya Annual Report 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952, hlm. 141.

Sehingga Februari 1952, kerajaan telah membelanjakan \$1,961,553 untuk membina 216 buah sekolah dengan 957 buah bilik darjah bagi menampung sejumlah 39,744 orang pelajar di sekolah kampung baru di seluruh Tanah Melayu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3. Jumlah sekolah di kampung baru ini terus meningkat berikutan dengan penambahan kampung baru yang dibina di Tanah Melayu. Pada November 1952, daripada kira-kira 480 buah kampung baru yang wujud, terdapat 234 buah sekolah yang dibina dengan kira-kira 46,000 orang pelajar yang hadir.<sup>29</sup> Angka ini seterusnya meningkat kepada 228 buah sekolah kampung baru dengan pelajar berjumlah 46,745 orang pada Disember 1952.<sup>30</sup> Sehingga Februari 1953 pula, terdapat 232 buah sekolah kampung baru di Tanah Melayu.<sup>31</sup> Pada 3 Mac 1953, sebuah sekolah Cina yang baharu dengan 200 orang pelajar telah dibuka di Kampung Baru Kota Kechil, Kota Tinggi, Johor.<sup>32</sup> Pada 30 September 1953, terdapat 56,196 orang pelajar berdaftar di kira-kira 430 buah sekolah kampung baru di Tanah Melayu.<sup>33</sup> Jumlah ini termasuklah 51,854 orang pelajar Cina, 4,001 orang pelajar Melayu, 348 orang pelajar India dan 60 orang dari bangsa lain.<sup>34</sup> Pada penghujung tahun 1954, sekolah telah dibina di 441 buah kampung baru, dengan 2,068 buah bilik darjah dan 1,785 tempat penginapan

28 *The Straits Times*, 2 January 1953, hlm. 7.

29 *The China Press*, 29 November 1952, hlm. 3. Rujuk juga Anthony Short, *In Pursuit of Mountain Rats: The Communist Insurrection in Malaya*, Singapore: Cultured Lotus, 2000, hlm. 399.

30 Communication From The Chair-Address By His Excellency The High Commissioner, CO1022/100, The High Commissioners Addresses to The Legislative Council.

31 *Kin Kwok Daily News*, 6 February 1953, hlm. 3.

32 *The Straits Times*, 2 March 1953, hlm. 5.

33 *Sin Chew Jit Poh*, 1 January 1954, hlm. 17; H.E. The High Commissioner's Address to The Legislative Council To Be Delivered on 25<sup>th</sup> November 1953, CO1022/100, The High Commissioners Addresses to The Legislative Council; Annual Report to Parliament 1954/1955, CO1030/215, South-East Asia Department's Contribution to Secretary of State's Annual Report (Federation of Malaya & Singapore); Appendix A, Comments of The Federal Government on The Report of The Special Committee on Educational Policy, CO1030/51, Educational Development, Federation of Malaya.

34 Education in The Federation of Malaya, A Working Paper For The Report of The Mission to Malaya, CO1030/52, Appendix A, Educational Development Federation of Malaya.

guru.<sup>35</sup> Angka tersebut jelas menunjukkan sekolah di kampung baru berkembang dengan pesat seiring dengan pembinaan kampung baru yang semakin meningkat untuk melindungi penduduk daripada gangguan komunis.

Jadual 3: Perkembangan Sekolah di Kampung Baru Pada Februari 1952

Negeri	Bilangan Sekolah	Bilangan Bilik Darjah	Bilangan Pelajar yang Mendaftar	Perbelanjaan Kerajaan (\$)
Perlis	1	3	53	9,290
Kedah	2	5	116	9,750
Pulau Pinang	1	4	227	9,000
Melaka	8	14	524	37,905
Perak	75	360	12,507	277,789
Negeri Sembilan	27	83	3,074	279,142
Selangor	19	75	5,574	275,049
Johor	54	298	14,610	803,218
Pahang	27	111	2,925	254,509
Kelantan	-	-	-	-
Terengganu	2	4	134	5,901
Jumlah	216	957	39,744	1,961,553

Sumber: Extract From The Federation of Malaya Legislative Council Paper No. 33 of 1952, CO1022/32, Education in The New Villages; No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper to Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages in The Federation of Malaya, 1952, CO1022/29, The Resettlement of Squatter in Malaya.

Kebiasaannya umur purata pelajar di sekolah kampung baru adalah lebih tua. Keadaan ini disebabkan kebanyakan daripada mereka sebelumnya tinggal di kawasan terpencil yang menghadapi masalah mendapat perlindungan daripada penganasan komunis apalagi memperoleh kemudahan pendidikan bagi anak-anak mereka.<sup>36</sup> Kurikulum dan bahasa pengantar di sekolah di kampung baru adalah tertakluk di bawah Undang-Undang Peraturan Darurat agar memastikan lahirnya penduduk Tanah Melayu yang berpendidikan dan mematuhi undang-undang negara. Selain itu, sekolah kampung baru diminta menggunakan nama sempena tempat letaknya sekolah berkenaan. Ini bertujuan untuk mencetuskan rasa kepunyaan dalam kalangan pelajar sekolah tersebut. Tindakan itu juga membolehkan pelajar lebih memahami suasana di kawasan tempat tinggal mereka, di samping dapat menyelaraskan nama kampung dengan nama sekolah.<sup>37</sup> Contohnya, sekolah di kawasan penempatan Fuji-Go, Bahau, Negeri Sembilan, menggunakan nama Sekolah Kawasan Penempatan Semula Fuji-Go dan sekolah di Bukit Gelugor, Kuala Pilah, Negeri Sembilan dikenali sebagai Sekolah

35 Inward Telegram to The Secretary of State For The Colonies From Federation of Malaya (Sir D. MacGillivray), 12<sup>th</sup> March 1955, CO1030/277, New Villages in The Federation of Malaya.

36 *Federation of Malaya Annual Report 1954*, hlm. 214.

37 No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper to Be Laid Before The Federal Legislative Council By Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages in The Federation of Malaya, 1952, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomenclature.

Kawasan Penempatan Semula Bukit Gelugor.<sup>38</sup> Tindakan ini dapat memberi kesan psikologi ke atas penghuni dan pelajar sekolah sekiranya hubungan antara sekolah dengan kawasan penempatan mereka adalah jelas.<sup>39</sup> Namun demikian, hal ini tidak boleh dilakukan secara paksaan kerana ia akan menyimpang dari tujuan asal penukaran nama sekolah sebagaimana yang diharapkan oleh kerajaan. Perkara ini dinyatakan oleh G.R.A. Turnbull, Setiausaha Jawatankuasa Pendidikan Persekutuan Tanah Melayu dalam suratnya bertarikh 15 September 1952:

*The object of requiring New Village Schools to take the name of the area in which they are situated is to induce in the school itself a sense of belonging to that area. If schools are forced to adopt such a name against their will, however, the name merely remains a symbol of Government "oppression" and the object of the change is defeated.*<sup>40</sup>

Begitu juga, pendidikan adalah satu unsur penting dalam kehidupan di semua kampung baru. Orang Cina amat mementingkan pendidikan untuk anak-anak bangsanya. Penduduk Cina sangat ramai di kampung baru dan mereka meletakkan keutamaan kepada pembinaan sekolah. Kepentingan menyediakan kemudahan pendidikan kepada penduduk di kampung baru turut diakui oleh pihak MCA. Dalam hal ini, MCA cawangan Perak menyatakan:

*... the important role which education will play in building a strong and independent nation. Self Government is precarious without educated, civic conscious and responsible citizens which can only be produced by a proper educational system. With this view, great attention is being paid to education in new villages where the demand for education is rapidly increasing and where the unhappy and underprivileged children of the illiterate squatters should be given adequate education facilities so that they will grow up to be useful, and responsible members of the Malayan community.*<sup>41</sup>

Sehubungan itu, dapat dilihat pada awalnya, MCA telah memberi sumbangan wang bagi membantu membina sekolah di kampung baru. Misalnya, sejak Disember 1951, wang sejumlah \$58,593 telah dibekalkan oleh MCA cawangan Perak bagi membina bangunan sekolah di 35 buah kampung baru di Perak.<sup>42</sup> Selain di Perak, MCA di negeri lain turut memberi sumbangan wang bagi membina sekolah baharu atau bangunan tambahan. Pada tahun 1951, contoh kampung baru yang menerima bantuan wang dari MCA untuk membina sekolah adalah seperti Sekolah Kampung Baru Subang di Selangor (\$3,000); Sekolah Kampung

- 
- 38 W. Foulsham, District Officer, Kuala Pilah, to The State Secretary, Negeri Sembilan, 26 November 1951, Pejabat Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, D.O.K.P. 137/1951, Naming of Schools in Resettlement Areas. Lihat juga Extract From The Federation of Malaya Legislative Council Paper No. 33 of 1952, CO1022/32, Education in The New Villages.
- 39 Secretary to Member For Education, to The State Secretary Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Pahang, Johore, Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis and The Settlement Secretary Penang & Malacca, 15 September 1952, Pejabat Daerah Kuala Pilah, Negeri Sembilan, D.O.P.P. 137/1951, Naming of Schools in Resettlement Areas.
- 40 G.R.A. Turnbull, 15 September 1952, Kementerian Pelajaran Malaysia, D. of E. (F. of M.) No. 8/1951, (I) Chinese Schools in New Village, (II) Naming of Chinese Schools in New Village.
- 41 Surat Persendirian Leong Yew Koh SP. 3/B/48, Malayan Chinese Association (Perak Branch) – Report of The Committee to be Submitted to The Annual General Meeting.
- 42 *Ibid.*

Baru Sungai Buloh di Selangor (\$10,000), Sekolah Kampung Baru Paroi di Negeri Sembilan (\$7,500), penambahan bilik darjah di lima buah kampung baru di Alor Gajah, Melaka (\$7,000), Kampung Baru Pandamaran di Selangor (\$24,000) dan Kampung Baru Sungai Way di Selangor (\$24,000). Pada tahun 1952, MCA telah menyumbang \$3,650 bagi membina sekolah di Kampung Baru Sang Lee di Raub, Pahang; \$25,000 kos pembinaan Sekolah Kampung Baru Sungai Jan di Jerantut, Pahang; \$15,600 disumbangkan untuk membina sekolah kampung baru di Jementah, Johor; \$35,000 untuk membina sekolah dan tempat tinggal guru di Kampung Baru Permatang Tinggi di Seberang Perai; \$7,500 untuk membina bangunan sekolah di Kampung Baru Bukit Selambau di Sungai Petani, Kedah; \$6,600 bagi membina sekolah di Kampung Baru Karangan, Kedah/Perlis dan banyak lagi kawasan lain.<sup>43</sup>

Sementara itu, pada tahun 1953, MCA cawangan Melaka pula menyumbang sejumlah \$5,000 untuk membaiki bangunan sekolah di kampung baru. MCA cawangan Johor pada 3 Februari 1953 menerima permohonan bantuan kewangan berjumlah \$30,000 daripada Sekolah Lee Ming, Pontian, Johor.<sup>44</sup> MCA telah memainkan peranan penting dalam perkembangan sekolah di kampung baru di negeri-negeri Melayu pada era pasca Perang Dunia. Dengan itu juga jelas bahawa MCA telah memberi banyak bantuan dana dalam pembinaan sekolah di kampung baru supaya kanak-kanak di kampung baru dapat belajar membina diri mereka yang kelak boleh menyumbang kepada pembangunan negara. Pada masa yang sama, pendidikan melalui sekolah dapat menghindar mereka daripada terlibat dalam kegiatan komunis.

Bagaimanapun, dilaporkan pada awal tahun 1952, bilangan murid yang berdaftar di sekolah di kampung baru hanya kira-kira 40,000 atau kira-kira 39 peratus daripada kanak-kanak yang berada dalam lingkungan umur persekolahan rendah (6-12 tahun). Ini adalah kerana terdapat kebimbangan dalam kalangan ibu bapa bahawa anak-anak mereka akan terdedah dengan pengaruh dan kegiatan komunis di sekolah.<sup>45</sup> Walau bagaimanapun, berikutan dengan kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pendidikan kepada anak-anak mereka, penambahan kemudahan pendidikan di sekolah dan juga keyakinan mereka yang semakin meningkat terhadap usaha kerajaan dalam menangani masalah komunis telah menyebabkan berlaku peningkatan kehadiran kanak-kanak ke sekolah. Pada tahun 1954, dilaporkan terdapat kira-kira 60 peratus daripada kanak-kanak di kampung baru dalam lingkungan umur enam hingga 12 tahun telah hadir ke sekolah.<sup>46</sup> Keadaan ini menunjukkan aspek pendidikan mula mendapat perhatian daripada masyarakat di kampung baru kesan daripada usaha kerajaan dan penglibatan MCA.

Walaupun kebanyakan sekolah di kampung baru adalah sekolah Cina, namun sekolah-sekolah ini dikehendaki menitikberatkan aspek berkaitan hal ehwal Tanah Melayu dan meningkatkan kepentingan pengajaran bahasa Melayu dan Inggeris dalam kurikulum.<sup>47</sup>

43 *Malayan Mirror*, Vol. 1, No. 1, 14 June 1953, hlm. 11-12.

44 Surat Persendirian Leong Yew Koh SP. 3/A/19, Standing Finance Sub-Committee (1953).

45 Extract From The Federation of Malaya Legislative Council Paper No. 33 of 1952, CO1022/32, Education in The New Villages. Lihat juga No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Resettlement and The Development of New Villages in The Federation of Malaya, 1952, Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri, DEF. 9567/1951, White Paper on Squatters Resettlement in The Federation; Resettlement and The Development of New Villages in The Federation of Malaya, 1952, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomenclature.

46 Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare: The Malayan Emergency, 1948-1960*, Singapore: Oxford University Press, 1989, hlm. 171. Lihat juga Francis Loh Kok Wah, *Beyond The Tin Mines, Coolies, Squatters and New Villagers in The Kinta Valley, Malaysia, c.1880-1980*, hlm. 139.

47 Appendix "A", Scheme For Aid to Chinese Schools in Resettlement Areas, CO825/90, Conference of Education Officers.

Dengan itu, sekolah ini secara beransur-ansur dapat memenuhi ciri-ciri pendidikan kebangsaan di Tanah Melayu pada masa depan. Selain itu, juga diperkenalkan upacara menaikkan bendera Persekutuan dan Negeri pada setiap pagi serta setiap kelas itu dibekalkan peta besar Tanah Melayu agar dapat membangkitkan semangat kenegaraan dalam kalangan kanak-kanak di kampung baru.<sup>48</sup> Hal ini sebagaimana yang dinyatakan di dalam *White Paper No. 33 of 1952*:

*It is the hope of the Government that the schools in these villages will not only help to make the children into useful citizens but they will exert a powerful influence for good in the lives of the adult population. It is important that these settlers should lose their sense of being shut off from other sections of the community and come to realise that they are social units with problems, interests and aspirations similar to those of the older towns and villages. By the assistance which the Government is affording, the inhabitants of the villages, through their committees of management, are encouraged to take an increasing interest and pride in their schools and to identify them with village society itself. ...these schools may come to stand for progress and enlightenment and the development of a Malayan national consciousness in each village.*<sup>49</sup>

Satu lagi aspek yang diberi penekanan dalam pendidikan di sekolah-sekolah di kampung baru ialah aktiviti luar bilik darjah seperti pasukan Pengakap, Pandu Puteri dan permainan berkumpulan. Aktiviti ini diperkenalkan kepada kanak-kanak di kampung baru melalui sekolah dan aktiviti ini memainkan bahagian penting dalam pendidikan agar pendidikan di kampung baru tidak terpisah daripada perkembangan sekolah secara umumnya di Tanah Melayu.<sup>50</sup> Di samping itu, aktiviti ini juga dapat memupuk semangat bersatu padu dan bekerjasama antara satu sama lain yang amat diperlukan ketika pentadbiran British sedang bertungkus lumus dalam menghapuskan kegiatan komunis pada zaman Darurat. Dengan itu, semangat setiakawan dapat dipupuk dan kestabilan sosial dapat ditingkatkan melalui pendidikan yang disediakan kepada kanak-kanak di kampung baru.

Selain penglibatan MCA dalam pembinaan sekolah di kampung baru, pihak kerajaan kemudian turut menyediakan dana untuk menyediakan kemudahan dan keperluan di sekolah-sekolah di kampung baru. Pada awal tahun 1952, sekolah di kampung baru telah menerima jumlah wang \$1,400 untuk pembinaan setiap bilik darjah baharu, jumlah \$1,500 untuk setiap tempat tinggal guru dan bantuan \$10 untuk kos buku, perabot dan kelengkapan bagi setiap murid yang berdaftar di sekolah berkenaan.<sup>51</sup> Pada tahun 1953, Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Kewangan Majlis Perundangan Persekutuan meluluskan wang sejumlah \$1,085,000 untuk membina bangunan sekolah dan rumah guru di kampung baru Cina.<sup>52</sup> Dalam surat J.A. Aitken, Setiausaha Eksekutif Jawatankuasa Kerja Perang Negeri Selangor bertarikh 26 Februari 1954,

---

48 No. 33 of 1952 Federation of Malaya, Paper to be Laid Before The Federal Legislative Council by Command of His Excellency The High Commissioner, Resettlement and The Development of New Villages in The Federation of Malaya, 1952, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 991/52, Resettlement Nomenclature.

49 Resettlement and The Development of New Villages in The Federation of Malaya, 1952, CO1022/29, The Resettlement of Squatter in Malaya. Lihat juga Extract From The Federation of Malaya Legislative Council Paper No. 33 of 1952, CO1022/32, Education in The New Villages.

50 *Federation of Malaya Annual Report 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1953, hlm. 158.

51 *The China Press*, 29 November 1952, hlm. 3.

52 *Utusan Melayu*, 26 November 1953, hlm. 1.

ada menyatakan sejumlah besar sekolah dibina di kampung baru dengan bantuan kewangan kerajaan.<sup>53</sup> *Annual Report on Education 1954* melaporkan tidak terdapat kampung baru yang mempunyai penduduk lebih daripada 400 orang adalah berada di luar sebuah sekolah yang berhampiran.<sup>54</sup> Keadaan ini menunjukkan pendidikan adalah aspek sosial yang dititikberatkan oleh pihak pentadbiran dalam pembinaan kampung baru bagi menjauhkan penduduk daripada gangguan komunis pada zaman Darurat. Keadaan ini juga menunjukkan kerajaan sedar betapa pentingnya pendidikan kepada penduduk kampung baru supaya kanak-kanak di kampung baru dapat dijauhkan daripada kegiatan komunis. Selaras dengan bantuan kerajaan kepada sekolah di kampung baru, maka semua sekolah, pengurus dan guru dikehendaki mendaftarkan diri kepada pendaftar sekolah di negeri atau kawasan penempatan masing-masing. Dengan itu, kegiatan mereka dapat dikawal oleh pihak pendaftar dan dapat menghindari unsur subversif daripada menyerap ke dalam sekolah.

### Perjuangan Orang Cina Dalam Memelihara Pendidikan Cina

Pada tahun 1951, Sir Henry Gurney, Pesuruhjaya Tinggi British bagi Persekutuan Tanah Melayu telah membentuk sebuah jawatankuasa untuk mengkaji pendidikan Cina di Tanah Melayu supaya sistem persekolahan Cina adalah selari dengan sistem persekolahan bercorak kebangsaan dan dapat melahirkan penduduk yang setia kepada Tanah Melayu. Jawatankuasa ini mempunyai tanggungjawab yang berat dalam memenuhi cadangan kerajaan iaitu “that would lead to a greater contribution of Chinese schools in Malaya to the goal of an independent Malayan nation composed of people of many races but having a common loyalty.”<sup>55</sup> Matlamat utama pembentukan Jawatankuasa itu ialah untuk merapatkan jurang perbezaan di antara pendidikan yang bercorak perkauman dengan pendidikan yang bercorak kebangsaan dalam pembinaan Tanah Melayu yang merdeka. Dengan itu, seterusnya kesedaran nasional dan kesetiaan kepada negara dapat dipupuk dalam kalangan penduduk pelbagai kaum melalui pendidikan. Selaras itu, jawatankuasa juga ditugaskan untuk memberi nasihat tentang penyeliaan buku teks yang berlatar belakangkan kehidupan di Tanah Melayu sebagai satu cara untuk mengasimilasikan keturunan Cina ke dalam masyarakat Tanah Melayu.<sup>56</sup> Jawatankuasa dipengerusikan bersama oleh Dr. William P. Fenn, seorang ahli Lembaga Amanah Sekolah Tinggi China dan Dr. Wu Teh-yao, seorang pakar pendidikan dari pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Mereka tiba di Tanah Melayu untuk menjalankan tugas pada 22 Februari 1951 dan

---

53 J.A. Aitken, Secretary For Defence to All Executive Secretaries, State/Settlement War Executive Committees, 26 February 1954, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Sel. Sec. 2560/52, Circular Letters & Directives, etc. Addressed to Executive Secretaries Concerning Emergency.

54 Richard Stubbs, *Counter-Insurgency and The Economic Factor: The Impact of The Korean War Prices Boom on The Malayan Emergency*, Occasional Paper No. 19, Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1974, hlm. 16. Lihat juga Richard Stubbs, *Hearts and Minds in Guerrilla Warfare*, hlm. 170.

55 *Chinese Schools and The Education of Chinese Malaysians: The Report of a Mission Invited by The Federation Government to Study The Problem of The Education of Chinese in Malaya, June 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951, hlm. 1.

56 *Ibid.*, hlm. 2; Francis Wong Hoy Kee & Ee Tiang Hong, *Education in Malaysia*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1971, hlm. 53-54; Francis Wong Hoy Kee and Gwee Yee Hean, *Perspectives: The Development of Education in Malaysia and Singapore*, Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia) Ltd., 1972, hlm. 24.

meninggalkan Tanah Melayu pada Jun 1951.<sup>57</sup> Tujuan kehadiran Jawatankuasa Fenn-Wu turut dijelaskan dalam *Memorandum on Chinese Education in the Federation of Malaya* bertarikh 15 Januari 1954:

*To survey sympathetically but objectively the entire field of the education of Chinese in Malaya, and to recommend such constructive changes and improvements as would lead to the Chinese schools making the great contribution to the future welfare and happiness of the people of Malaya and, in particular, of the Chinese who have chosen that prosperous land as their home.*<sup>58</sup>

Keperluan Jawatankuasa Fenn-Wu untuk mengkaji pendidikan Cina timbul kerana keadaan Darurat di Tanah Melayu telah menyebabkan kerajaan memberi perhatian dan berusaha mencari penyelesaian ke atas masalah di sekolah Cina, iaitu penerusan sekolah Cina sebagaimana yang dikehendaki oleh orang Cina tetapi bersesuaian dengan keadaan di Tanah Melayu. Sekiranya keinginan penduduk Cina tidak dipertimbangkan, maka sukar untuk mendapat sokongan dan keyakinan daripada mereka dalam usaha kerajaan menangani masalah komunis di Tanah Melayu pada ketika itu. Dalam gerakan komunis, walaupun ramai orang Cina mempunyai hubungan kait secara langsung atau tidak langsung, tetapi mereka juga adalah golongan yang paling ramai menjadi mangsa kegiatan komunis di negeri-negeri Melayu. Justeru, sekiranya kerajaan dapat memenangi kerjasama orang Cina, usaha menentang komunis akan dapat dipermudahkan.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh pentadbiran British dalam soal pendidikan di Tanah Melayu pada ketika itu ialah kritikan dan tentangan daripada orang Cina terhadap Laporan Barnes. Laporan Barnes diterbitkan oleh Jawatankuasa Barnes yang dibentuk oleh Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Henry Gurney pada Ogos 1950. Jawatankuasa ditugaskan untuk mengkaji sistem pendidikan vernakular Melayu dan kemudahan pendidikan untuk orang Melayu. Laporan Barnes mengesyorkan sekolah vernakular seharusnya digantikan dengan sekolah rendah kebangsaan untuk semua kaum, iaitu sekolah kebangsaan yang menggunakan dwibahasa, bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Melalui sekolah kebangsaan, pendidikan peringkat sekolah rendah disediakan secara percuma oleh kerajaan kepada kanak-kanak dari semua kaum yang berumur enam hingga 12 tahun dengan menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.<sup>59</sup> Rata-rata orang Cina berasa hampa dengan Laporan Barnes kerana pendidikan Cina gagal dilindungi oleh kerajaan. Pada pendapat mereka, Laporan Barnes adalah

---

57 Report of The Proceedings of The Legislative Council, Kuala Lumpur, Wednesday, 21<sup>st</sup> November 1951, *Proceedings of The Legislative Council of The Federation of Malaya For The Period (Fourth Session) February 1951 to February 1952*, Kuala Lumpur: Government Press, 1952; Education in The Federation of Malaya, A Working Paper For The Report of The Mission to Malaya, July 1954, CO1030/52, Appendix A, Educational Development, Federation of Malaya.

58 Surat Persendirian Leong Yew Koh SP. 3/B/75, Memorandum on Chinese Education in The Federation of Malaya; *Malayan Mirror*, Vol. 2, No. 7, 15 April 1954, hlm. 3; P.R. 1/51/7, Federation of Malaya Weekly News Summary, 9<sup>th</sup> February 1951, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/PUB/231/51, Federation of Malaya Weekly News Summary; Memorandum For Submission to The Conference of Rulers, Chinese Education In The Federation, CO717/190, Education, Chinese Schools.

59 Federation of Malaya Central Advisory Committee on Education, *Report on The Barnes Report on Malay Education and The Fenn-Wu Report on Chinese Education, 10<sup>th</sup> September 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, hlm. 3-6. Lihat juga *Report of The Committee on Malay Education Federation of Malaya*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951; Summary of Recommendations and Suggestions, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, RCP/Edu/759/51, Report of The Barnes Committee on Malay Education.

tidak adil kerana ia hanya mementingkan persekolahan Melayu sahaja sedangkan sekolah dan budaya orang Cina tidak dipelihara. Orang Cina juga melihat Laporan Barnes boleh menggugat pelajaran, bahasa dan budaya kaum Cina. Untuk mengurangkan kebimbangan dan rasa tidak puas hati orang Cina dalam soal pendidikan ini, pentadbiran British membentuk sebuah jawatankuasa untuk meneliti pendidikan orang Cina di Tanah Melayu. Dalam keadaan itulah Jawatankuasa Fenn-Wu dibentuk.

Laporan Fenn-Wu mengenai pendidikan Cina telah diterbitkan pada Jun 1951. Laporan Fenn-Wu secara tidak langsung mempertahankan kedudukan sekolah Cina di Tanah Melayu. Laporan itu menunjukkan simpati terhadap pendidikan vernakular Cina dan menyatakan sekolah vernakular boleh memberi sumbangan berkesan ke arah pembentukan penduduk Tanah Melayu yang bersatu padu serta menggalakkan kesedaran nasional. Namun demikian, Laporan itu turut mengkritik keadaan sekolah Cina yang kekurangan kelengkapan dan guru terlatih. Seterusnya, mendesak sekolah itu diteruskan dan diberi bimbingan serta bantuan kewangan oleh pihak pentadbiran berasaskan objektif pendidikan dan bukan tujuan politik.<sup>60</sup> Dr. Fenn dan Dr. Wu menegaskan bahawa sekiranya bahasa Melayu diakui sebagai bahasa rasmi dan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar, maka bahasa Cina tidak harus diabaikan. Begitu juga, orang Cina di Tanah Melayu bersedia menerima tiga bahasa (bahasa Cina, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris) dan harus digalakkan berbuat demikian. Dengan demikian, sekolah Cina dapat disatukan dalam sistem pendidikan kebangsaan dan tidak akan dihapuskan. Jawatankuasa itu turut menegaskan bahawa oleh sebab bahasa Cina adalah salah satu bahasa yang terbesar di dunia; keindahan dan kekayaan bahasa Cina tidak dapat dipersoalkan, maka pendidikan Cina patut diteruskan seiring dengan pendidikan dalam bahasa lain.<sup>61</sup> Laporan itu menambahkan lagi bahawa sekolah Cina tidak boleh dihapuskan sehingga orang Cina sendiri membuat keputusan bahawa pendidikan Cina tidak diperlukan lagi. Namun demikian, Jawatankuasa Fenn-Wu menyatakan detik itu tidak akan tiba.<sup>62</sup> Sebaliknya, ia menyatakan bahawa sekolah Cina akan berterusan di Tanah Melayu untuk satu masa yang panjang dan sebarang percubaan untuk menghancurkan sekolah Cina tidak akan berhasil. Dengan demikian, nyatalah Laporan Fenn-Wu mengakui keperluan kewujudan sekolah Cina. Ia juga berusaha untuk mempertahankan pendidikan Cina diteruskan dengan mencari suatu tempat yang sesuai bagi sekolah Cina dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu.

Bagaimanapun, Jawatankuasa Fenn-Wu menolak penekanan yang berlebihan dalam memelihara ciri-ciri kecinaan di sekolah Cina. Laporan Fenn-Wu menasihatkan orang Cina supaya jangan terlalu menitikberatkan unsur kecinaan di sekolah Cina, sambil menjelaskan bahawa tidak ada faedah memelihara bentuk, cara dan isi pendidikan Cina. Laporan ini mencadangkan bahawa unsur politik asing dalam apa-apa bentuk pun harus dihapuskan dari sekolah Cina. Sementara itu, Jawatankuasa Fenn-Wu juga menegaskan

---

60 *Malayan Bulletin*, Vol. 5, No. 56, 25<sup>th</sup> August 1951, CO717/205, Association of British Malaya Monthly Bulletin.

61 *Ibid.*

62 *Chinese Schools and The Education of Chinese Malaysians: The Report of a Mission Invited by The Federation Government to Study The Problem of The Education of Chinese in Malaya, June 1951*, hlm. 10; *Federation of Malaya Central Advisory Committee on Education, Report on The Barnes Report on Malay Education and The Fenn-Wu Report on Chinese Education, 10<sup>th</sup> September 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, hlm. 6.

buku teks yang diperkenalkan hendaklah bersesuaian untuk kegunaan di Tanah Melayu.<sup>63</sup> Pendek kata, Laporan Fenn-Wu yang mencadangkan pengekalan sekolah vernakular Cina, turut mencadangkan perubahan dalam pendidikan di sekolah Cina supaya sekolah Cina dapat diserapkan dalam sistem pendidikan di Tanah Melayu dan diterima oleh masyarakat berbilang kaum. Dengan itu pendidikan Cina dapat diteruskan dalam proses pembentukan pendidikan nasional dan memainkan peranan dalam pembinaan bangsa. Selaras itu juga bahasa Cina dapat dikekalkan sebagai salah satu bahasa pengantar dalam pengajaran di sekolah Cina, justeru kebimbangan masyarakat Cina tentang kepupusan budaya Cina juga dapat dikikis.

Umumnya Laporan Fenn-Wu mendapat reaksi positif daripada masyarakat Cina. Sebagai contohnya, Laporan ini disambut baik oleh Heah Joo Seang, Presiden Persatuan Pendidikan Penduduk Pulau Pinang (*Penang Peoples Education Association*) dan Pengerusi Sekolah Han Chiang, Pulau Pinang kerana akan terdapat peningkatan dalam bantuan kewangan kerajaan serta pembaharuan dalam buku teks yang digunapakai di sekolah Cina. Sementara itu, Saw Seng Kew, Setiausaha Sekolah Chung Ling dan Sekolah Perempuan Fukien, Pulau Pinang, menyokong Laporan Fenn-Wu kerana budaya orang Cina telah diperuntukkan tempat yang penting dalam rancangan pendidikan di negara ini. Selain itu, beliau menyatakan bahawa masa sudah sampai bagi kerajaan untuk merancang program jangka panjang bagi meningkatkan taraf pendidikan Cina di negara ini.<sup>64</sup>

Dalam pada itu, masyarakat Cina bersedia untuk menerima penggunaan buku teks dan kurikulum yang berorientasikan Tanah Melayu di sekolah Cina. Melalui cara ini, penyatuan antara kaum dapat dilakukan di Tanah Melayu walaupun wujudnya pelbagai aliran sekolah yang berbeza.

Dalam hal ini, MCA yang mewakili masyarakat Cina di Tanah Melayu telah mencadangkan "Unity of hearts and minds in Malaya, we suggest, can best be achieved through Malayan reorientation of text books and curriculum common to all schools in Malaya, whatever their language-medium of instruction".<sup>65</sup> Usul MCA tersebut dialu-alukan oleh sekolah-sekolah Cina di Tanah Melayu. Mereka bersedia untuk menyesuaikan buku teks di sekolah Cina dengan buku teks yang berlatar belakangkan keadaan dan perkembangan di Tanah Melayu.<sup>66</sup> Ini menunjukkan orang Cina bersedia mengubah kandungan buku teks dan kurikulum di sekolah Cina supaya sesuai dengan keadaan semasa di Tanah Melayu sambil memelihara bahasa dan budaya kaumnya. Dengan itu, pendidikan dan sekolah Cina dapat diteruskan dalam kalangan masyarakat Cina di Tanah Melayu. Di situ juga jelas memperlihatkan perjuangan orang Cina dalam mempertahankan tradisi kaum mereka iaitu bahasa Cina dan pendidikan Cina.

Selain itu, perjuangan masyarakat Cina dalam mempertahankan pendidikan Cina juga dapat dilihat apabila Ordinan Pelajaran atau dikenali sebagai Penyata Pendidikan 1952 diperkenalkan oleh pihak pentadbiran. Apa yang termaktub dalam Ordinan ini ialah Tanah Melayu hanya mempunyai dua jenis sekolah kebangsaan, satu dalam bahasa Inggeris dan satu lagi dalam bahasa Melayu. Bahasa Cina dan Tamil boleh diajar di sekolah sebagai bahasa ketiga, jika ia diminta oleh ibu bapa dengan syarat terdapat sekurang-kurangnya 15 pelajar

---

63 *Chinese Schools and The Education of Chinese Malaysians: The Report of a Mission Invited by The Federation Government to Study The Problem of The Education of Chinese in Malaya, June 1951*, hlm. 13; *Malayan Bulletin*, Vol. 5, No. 57, 25<sup>th</sup> September 1951, CO717/205, Association of British Malaya Monthly Bulletin.

64 *The Straits Times*, 10 July 1951, hlm. 8.

65 Surat Persendirian Leong Yew Koh SP. 3/B/75, Memorandum on Chinese Education in The Federation of Malaya.

66 *Ibid.*

dalam kumpulan yang sama.<sup>67</sup> Ordinan Pelajaran 1952 ditafsirkan oleh orang Cina sebagai langkah yang akan membinasakan pelajaran Cina kerana tiada ruang yang mencukupi untuk belajar bahasa Cina. Dalam ucapan Tan Cheng Lock di Singapura pada 27 Disember 1953 semasa perjumpaan tahunan MCA:

*The Education Ordinance of 1952, which in effect seeks to displace and close down Chinese vernacular schools in the Federation by the establishment of the so-called national schools in which the Chinese will not be taught their mother tongue either in adequate measure or compulsorily.*<sup>68</sup>

Dalam memorandum yang disediakan bersama oleh Tan Cheng Lock, Presiden MCA dengan Jawatankuasa Pusat Pendidikan MCA bertarikh 15 Januari 1954 pula mencatatkan "...the belief that the establishment of English-medium and Malay-medium National Schools is the forerunner of the closure of Chinese vernacular schools and the end of Chinese education in the Federation".<sup>69</sup>

Selain itu, pemimpin masyarakat Cina berpendapat bahawa budaya Cina dan India tidak boleh diketepikan dalam membentuk budaya bangsa Tanah Melayu. Dalam hal ini, pendidikan berperanan penting dalam mengasimilasi budaya kaum melalui bahasa masing-masing. Perkara ini dinyatakan dalam Memorandum Mengenai Pendidikan Cina di Tanah Melayu sebagai:

*Not by the Chinese alone is it realized that Chinese education, and through it, Chinese culture have made, and can continue to make, great contributions to the ultimate culture of the future Malayan nation. Thinking Malaysians realise that the future Malayan nation, to mould its own culture, must draw on the cultures of such great civilisations as the Chinese and Indian, not forgetting the cultures of the West.*

*In this task of moulding culture, education will play an indispensable role. Western, Chinese and Indian cultures can only be reached and assimilated through the western and Chinese and Tamil languages. To deprive this country of Chinese and Tamil education is to deny to Malaysians the means through which to evaluate and assimilate the cultures of the great Chinese and Indian civilisation. Yet this is precisely what the Education Ordinance 1952 seeks to do.*<sup>70</sup>

Manakala bagi pihak kerajaan, dasar terhadap pendidikan Cina adalah untuk menghapuskan prejudis, mengurangkan pengasingan dan kesalahfahaman antara kaum di Tanah Melayu. Menurut laporan Jabatan Pendidikan pada 13 Januari 1952, dasar kerajaan terhadap pendidikan Cina bertujuan merapatkan hubungan orang Cina dengan penduduk

67 Federation of Malaya No. 63 of 1952, The Education Ordinance, 1952, F.M.S. Ordinances; Surat Persendirian Leong Yew Koh SP. 3/B/75, Memorandum on Chinese Education in The Federation of Malaya; Federation of Malaya Central Advisory Committee on Education, *Report on Barnes Report on Malay Education and Fenn-Wu Report on Chinese Education, 10<sup>th</sup> September 1951*, Kuala Lumpur: Government Press, 1951.

68 Speech by Dato Sir Cheng-lock Tan, K.B.E., J.P., at The Annual General Committee Meeting of The Malayan Chinese Association at Singapore on The 27<sup>th</sup> December 1953, Surat Persendirian Tan Cheng Lock SP. 13/H/70, Objektif Perikatan UMNO-MCA.

69 Surat Persendirian Leong Yew Koh SP. 3/B/75, Memorandum on Chinese Education in The Federation of Malaya.

70 *Ibid.*

Tanah Melayu yang lain serta membuka peluang penyertaan orang Cina dalam bidang sosial dan ekonomi.<sup>71</sup> Bahkan Pesuruhjaya Tinggi British di Persekutuan Tanah Melayu, Sir Donald MacGillivray menyatakan pengajaran bahasa dan sastera Cina tidak pernah disekat di Tanah Melayu. Beliau menjelaskan juga bahawa kata-kata mengenai pengenalan sekolah kebangsaan akan membawa kepada penghapusan sekolah dan budaya Cina adalah tidak benar. Dalam hal ini, beliau cuba mengurangkan kebimbangan orang Cina dengan menyatakan “You need have no such fears about the future of Chinese schools. Anyone who has carefully studied the new educational policy, which has been accepted and passed unanimously by the Legislative Council, will know that such talk is untrue.”<sup>72</sup> Bagaimanapun, dasar pendidikan baharu ini tidak dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya disebabkan masalah kewangan dan sebahagian juga kerana perubahan politik yang pantas berikutan gabungan UMNO dan MCA menjelang pilihan raya 1952.<sup>73</sup> Penukaran sekolah Inggeris yang wujud kepada sekolah kebangsaan tidak banyak menghadapi masalah dan berjalan dengan baik pada akhir tahun 1953. Sekolah vernakular menghadapi halangan tertentu untuk penukaran. Ini kerana dalam hampir semua kes, perkembangan sekolah kebangsaan daripada sekolah vernakular melibatkan program yang mahal dalam pembinaan kemudahan pendidikan dan memerlukan guru terlatih.<sup>74</sup>

Apabila parti Perikatan memenangi pilihan raya Persekutuan pertama pada tahun 1955, soal pendidikan di Tanah Melayu dikaji semula. Keadaan ini wujud berikutan timbulnya kesedaran bahawa pendidikan adalah penting dalam penyatuan penduduk Tanah Melayu yang berbilang kaum. Jawatankuasa Razak dibentuk di bawah pimpinan Dato’ Abdul Razak bin Dato’ Hussein. Antaranya Penyata Razak yang dihasilkan telah menyentuh soal bahasa pengantar di sekolah. Penyata ini menyokong bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dengan syarat tidak menyekat bahasa dan budaya bangsa lain di Tanah Melayu.<sup>75</sup> Inilah kali pertama di mana dasar pendidikan dirangka dengan mengambil kira bahasa dan budaya semua kaum. Di bawah Penyata Razak, sekolah yang menggunakan bahasa kebangsaan, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dipanggil “sekolah umum”. Sekolah yang mengajarkan bahasa kebangsaan sebagai satu mata pelajaran dan berpengantar bahasa Cina, Tamil atau Inggeris dinamakan “sekolah jenis umum”. Bahasa Melayu dan Inggeris wajib diajar di semua sekolah rendah dan menengah, lain-lain bahasa boleh diajar sekiranya terdapat 15 murid yang hendak mempelajarinya.<sup>76</sup> Penyata ini mencadangkan sekolah rendah dijalankan dalam empat bahasa, manakala sekolah menengah dalam bahasa kebangsaan diberi keutamaan. Pada masa yang sama, Penyata ini merestui sekolah berbahasa pengantar lain, jika sekolah itu menerima bantuan kerajaan.<sup>77</sup> Penyata Razak tersebut sedikit sebanyak telah dapat mengurangkan rasa kebimbangan dalam kalangan masyarakat Cina terhadap soal pendidikan dan bahasa Cina.

---

71 Government Policy towards Chinese Schools, Jabatan Penerangan Persekutuan Tanah Melayu, INF. 931/53, Department of Education, Government Policy towards Chinese Schools.

72 *The Straits Times*, 29 October 1954, hlm. 7.

73 Chai Hon-Chan, *Education and Nation-building in Plural Societies, The West Malaysian Experience*, Development Studies Centre Monograph No. 6, Canberra: The Australian National University, 1977, hlm. 23.

74 *Federation of Malaya Annual Report 1953*, Kuala Lumpur: Government Press, 1954, hlm. 175.

75 Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, *Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956*, Kuala Lumpur: Caxton Press Ltd., 1957, hlm. 3.

76 *Report of The Education Committee 1956*, Kuala Lumpur: Government Press, 1956, hlm. 10; A Brief Report on the Development of Education in the Federation of Malaya for the Year 1956, CO1030/51, Educational Development, Federation of Malaya.

77 *Nanyang Siang Pau*, 14 December 1956, hlm. 9; *Sin Chew Jit Poh*, 15 December 1956, hlm. 10; *Straits Echo & Times of Malaya*, 8 May 1956, hlm. 4; 19 June 1957, hlm. 2.

Penyata Razak tidak membincangkan soal bahasa sebagai alat perpaduan. Penyata Razak mendekati soal integrasi dari segi sukatan pelajaran yang sama bagi semua sekolah dimana

*One of the fundamental requirements of educational policy in the Federation of Malaya is to orientate all schools, primary and secondary, to a Malayan outlook. We consider that the way to do this is to ensure a common content in the syllabuses of all schools.*<sup>78</sup>

Mengikut Penyata Razak, satu-satunya cara yang boleh menimbulkan pengenalan satu identiti penduduk Tanah Melayu ialah dengan menggunakan sukatan pelajaran yang sama di semua sekolah dan buku teks hendaklah berorientasikan keadaan di Tanah Melayu. Cara tersebut dianggap sebagai kunci dalam menentukan pelaksanaan dasar pendidikan yang boleh diterima oleh penduduk pelbagai kaum. Pada Mac 1957, Penyata Razak dikuatkuasakan sebagai Ordinan Pelajaran atau Dasar Pelajaran 1957. Ordinan ini mula dilaksanakan pada 1 Julai 1957. Ordinan Pelajaran ini bertujuan mewujudkan satu sistem pelajaran kebangsaan yang diterima oleh semua penduduk di Tanah Melayu. Ordinan ini juga bermatlamat menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan negara, di samping memelihara pertumbuhan bahasa dan budaya kaum bukan Melayu di negara ini.<sup>79</sup>

## Kesimpulan

Daripada perbincangan di atas adalah jelas bahawa pendidikan merupakan aspek penting yang diberi perhatian oleh masyarakat Cina di Tanah Melayu sejak kehadiran mereka pada abad ke-19. Dengan itu, orang Cina membina sekolah Cina untuk menyediakan pendidikan kepada anak-anak bangsa mereka. Melalui sekolah Cina, bahasa dan budaya kaum dapat diteruskan dari generasi ke generasi. Memandangkan kepentingan pendidikan Cina, orang Cina bertungkus lumus untuk memelihara pendidikan, sekolah dan bahasa mereka supaya tidak terpusus. Dalam perjuangan mempertahankan sekolah Cina, masyarakat Cina berdepan dengan cabaran terutamanya pada era selepas Perang Dunia Kedua apabila Tanah Melayu menghadapi bahaya ancaman komunis yang bercita-cita untuk menguasai pentadbiran. Pada ketika itu, bilangan sekolah dan jumlah pelajar yang hadir ke sekolah adalah tidak menentu kerana dipengaruhi oleh keadaan semasa di negeri-negeri Melayu. Pada ketika itu juga terdapat banyak sekolah Cina yang ditutup kerana gangguan komunis pada zaman Darurat atau kerana kekurangan pelajar. Sekolah menghadapi kekurangan pelajar kerana ibu bapa bimbang terhadap keselamatan anak mereka dan tidak menghantar anak mereka ke sekolah. Begitu juga sekolah kekurangan pelajar apabila penduduk Cina di kawasan itu telah dipindahkan ke kawasan baharu di bawah rancangan penempatan semula.

Bagaimanapun, satu fenomena baharu pula berkembang ialah kewujudan sekolah di kampung baru dimana bilangan sekolah ini terus meningkat seiring dengan penambahan kampung baru di negeri-negeri Melayu. Pembinaan sekolah di kampung baru ini mendapat

78 *Report of The Education Committee 1956*, hlm. 17.

79 “Penyata Pelajaran Razak Diluluskan”, dalam *Hari Ini Dalam Sejarah*, Jilid I, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 1980, hlm. 191.

perhatian daripada pihak pentadbiran dan MCA supaya kanak-kanak di kampung baru dapat dihindari daripada kegiatan komunis. Kewujudan sekolah di kampung baru ini turut dapat memupuk semangat kesetiaan, kerjasama dan bersatu padu dalam kalangan anak-anak muda melalui pendidikan serta aktiviti luar bilik darjah yang disediakan. Selain itu, pada era pasca perang ini turut berlaku perjuangan orang Cina yang berterusan dalam mempertahankan penerusan pendidikan dan sekolah Cina di Tanah Melayu. Perkembangan ini jelas dapat dilihat melalui respons mereka terhadap Laporan Fenn-Wu dan Ordinan Pelajaran 1952 sehingga Penyata Razak dalam memastikan kewujudan pendidikan dan sekolah Cina dapat dipertahankan. Di situ juga telah menonjolkan sikap proaktif dan usaha gigih yang ditunjukkan oleh masyarakat Cina dalam memelihara bahasa serta budaya kaumnya daripada diketepikan dalam arus perkembangan semasa di Tanah Melayu pada era pasca Perang Dunia Kedua sehingga kemerdekaan dicapai.